

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM - BN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 47)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah penjualan tiket perlawanan bola Liga Malaysia akan dijual secara "online" untuk mengelakkan masalah kekecohan dan penjualan tiket secara haram.

SULIT

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Persatuan Bolasepak Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan penjualan tiket secara *online* bukan sahaja di peringkat pertandingan Liga Malaysia tetapi juga di peringkat pertandingan Piala FA, Liga FAM dan juga perlawanan-perlawanan persahabatan peringkat antarabangsa. Persatuan Bolasepak Malaysia kini sedang memperkemaskan sistem penjualan tiket secara “online” yang akan diperkenalkan secara menyeluruh pada Liga Malaysia 2015.
2. Langkah penjualan tiket secara *online* bagi semua perlawanan kelolaan Persatuan Bolasepak Malaysia dianggap penting bagi membendung isu paling utama iaitu ULAT TIKET. Selain daripada itu pembelian tiket secara *online* juga dapat memudahkan peminat bola sepak tanahair untuk mendapatkan tiket tanpa perlu bersesak-sesak di kaunter.

Sekian, terima kasih.